

## Dua sahabat maut kereta terjunam bawah tebing

KOSMO ONLINE 14 Nov 2015 m/s 19

**ROMPIN** – Dua sahabat maut selepas kereta jenis Proton Saga BLM dinaiki mereka hilang kawalan sebelum terbabas dan terjunam ke bawah tebing di Kilometer 160 Jalan Kuantan-Seremban dekat sini petang kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira pukul 2.30 petang itu, mangsa, pemandu Shahrizal Ujang, 29, dari Felda Pasoh, Batu Kikir,

Negeri Sembilan bekerja sebagai konduktor bas dan penumpang, Nur Asyikin Abdullah, 22, yang merupakan pelajar Universiti Malaysia Pahang berasal dari Tanah Merah, Kelantan disahkan maut di tempat kejadian.

Difahamkan, kejadian itu hanya disedari oleh pengguna jalan raya yang lain selepas kira-kira enam jam kemalangan itu

berlaku sebelum orang awam memaklumkan kepada pihak polis.

Pegawai Turus Trafik negeri, Deputy Superintendan Ahmad Nazri Zainal berkata, siasatan awal mendapati, ketika kejadian kedua-dua mangsa dipercayai dalam perjalanan dari arah Kuantan menghala ke Seremban, Negeri Sembilan.

Katanya, sepasukan

pegawai dan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Rompin tiba di lokasi kejadian kira-kira setengah jam selepas menerima panggilan dan berjaya mengeluarkan mangsa.

“Siasatan awal mendapati, kedua-dua mangsa memakai tali pinggang keledar, namun pemandunya tidak mempunyai lesen memandu,” katanya ketika dihubungi semalam.



KEADAAN kereta Proton Saga BLM dinaiki dua sahabat yang maut selepas terbabas dan terjunam ke bawah tebing di Kilometer 160 Jalan Kuantan-Seremban dekat Rompin semalam.